

**ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (198301008983)**
**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz BolehCover**
**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli Allianz BolehCover. Sila memastikan Anda membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

**Institusi Kewangan** : Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")  
**Nama Produk** : Allianz BolehCover

**1. Produk ini berkenaan apa?**

Ini adalah pelan sepanjang hayat tanpa penyertaan yang akan matang pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai usia 100 tahun (harijadi yang terdekat). Polisi ini menyediakan:

- (i) perlindungan insurans atas kematian Orang yang Diinsuranskan, dan
- (ii) Manfaat Kematangan.

Polisi ini dijual dalam bentuk unit, di mana premium perlu dibayar dan Amaun Diinsuranskan adalah berdasarkan bilangan unit yang dibeli. Setiap unit dikenakan amaun premium yang sama dan Amaun Diinsuranskan per unit berbeza mengikut jantina dan usia kemasukan Orang yang Diinsuranskan.

**2. Apakah perlindungan-perindungan/ manfaat-manfaat yang disediakan?**

- (i) Amaun Diinsuranskan untuk Polisi ini adalah RM <Basic Sum Assured>, yang bersamaan dengan <no of unit> unit.
- (ii) Polisi ini menyediakan:

- **Manfaat Kematian:**

Bukan Akibat Kemalangan

Semasa kematian Orang yang Diinsuranskan sebelum tamat tempoh polisi sementara polisi masih berkuatkuasa, manfaat kematian bukan akibat kemalangan akan dibayar seperti berikut:

Tahun Polisi semasa Kematian	Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan
Tahun Polisi pertama dan ke-2	100% Jumlah Premium Yang Dibayar
Tahun Polisi ke-3 dan ke atas	100% Amaun Diinsuranskan

Akibat Kemalangan

Semasa kematian Orang yang Diinsuranskan sebelum tamat tempoh polisi sementara polisi masih berkuatkuasa, manfaat kematian akibat kemalangan akan dibayar seperti berikut:

Tahun Polisi semasa Kematian	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan
Sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun harijadi terdekat pada Ulang Tahun Polisi	200% Amaun Diinsuranskan
Ketika atau selepas Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun harijadi terdekat pada Ulang Tahun Polisi	100% Amaun Diinsuranskan

Sekiranya manfaat kematian akibat kemalangan tidak dibayar kerana dikecualikan di bawah polisi ini, jumlah yang perlu dibayar adalah 100% Amaun Diinsuranskan.

- **Manfaat Kematangan:** 100% Amaun Diinsuranskan

- (iii) Tempoh perlindungan Polisi ini adalah <Coverage Term> tahun.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

- (i) Premium yang perlu dibayar oleh Anda:

Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
RM<Annual Premium>	RM<Half Yearly Premium>	RM<Quarterly Premium>	RM<Monthly Premium>

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

- (ii) Tempoh pembayaran premium untuk Polisi ini adalah <Premium Payment Term> tahun.

**ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (198301008983)**
**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz BolehCover**

(iii) Premium yang dikenakan adalah terjamin dan setara sepanjang tempoh pembayaran premium.

**4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

Komisen yang dibayar kepada ejen insurans adalah ditanggung oleh Anda dan dibayar daripada premium Anda untuk Polisi ini. Komisen yang dibayar adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	1	2	3	4	5	6	7 & ke atas
Komisen (% Premium)	65%	40%	26%	20%	10%	10%	0%

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya perlu ketahui?**

- (i) Kepentingan pengisytiharan - Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Anda dengan betul. Anda juga seharusnya memberikan maklumat secukupnya dan tepat untuk membolehkan Kami menasihati Anda tentang kesesuaian Polisi dengan mengambil pertimbangan kesesuaian Polisi ini dengan keperluan dan keadaan Anda.
- (ii) Tempoh Percubaan - Anda berhak untuk membatalkan Polisi Anda melalui permintaan bertulis dan dengan mengembalikan Polisi ini kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan Polisi ini oleh Anda. Jumlah premium yang telah Anda bayar setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dipulangkan kepada Anda.
- (iii) Tempoh Penangguhan - Anda diberikan Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari untuk membayar premium Anda dari tarikh premium perlu dibayar di mana Polisi Anda masih lagi berkuatkuasa. Sekiranya premium masih belum berbayar pada akhir Tempoh Penangguhan, Polisi Anda akan luput dan tiada nilai melainkan yang diperuntukkan dalam Peruntukan Tidak Lucut Hak Automatik seperti pinjaman premium automatik dan tempoh perlindungan yang dipanjangkan. Sekiranya sebarang tuntutan timbul dalam tempoh ini, premium yang belum dijelaskan akan ditolak daripada wang polisi yang akan dibayar.
- (iv) Pengembalian Semula - Sekiranya Polisi Anda ditamatkan kerana premium tidak dibayar, Anda boleh menulis kepada Kami untuk mengembalikan Polisi tersebut semula pada bila-bila masa dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh luput, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kontrak Polisi.

**Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Polisi ini.**

**6. Apakah pengecualian di bawah Polisi ini?**

- (i) Polisi ini tidak melindungi mati akibat membunuh diri, jika siuman atau tidak siuman dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian semula, yang mana terkemudian.
- (ii) Polisi ini tidak melindungi mana-mana Kematian Akibat Kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, daripada mana-mana kejadian yang berikut:
  - a) pencabulan atau percubaan pencabulan undang-undang atau menentang penangkapan oleh Orang yang Diinsuranskan;
  - b) percubaan membunuh diri, Kecederaan Tubuh Badan diri sendiri yang disengajakan, atau kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan;
  - c) pendedahan diri Orang yang Diinsuranskan kepada bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
  - d) peristiwa Kemalangan yang secara langsung ataupun tidak langsung berkaitan dengan pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, nuklear atau bahan senjata biologi atau kimia;
  - e) peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada diisytiharkan peperangan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau rampasan kuasa tentera;
  - f) Orang yang Diinsuranskan mengambil bahagian atau terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang mogok, rusuhan, kekecohan awam atau aktiviti pengganas;
  - g) Kecederaan Tubuh Badan yang dialami semasa Orang yang Diinsuranskan di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah kecuali ianya diambil selaras dengan preskripsi yang diberikan oleh Doktor;
  - h) Sebarang aktiviti yang bersifat ketenteraan apabila penglibatan dalam perkhimatan ketenteraan;
  - i) jangkitan ptomaines atau bakteria (melainkan jangkitan piogenik yang terjadi dengan dan melalui luka atau luka kecil yang tidak disengajakan);
  - j) penyedutan atau pengambilan racun, gas atau wasap bisa dengan sengaja atau secara cuai;
  - k) rawatan perubatan atau pembedahan yang diperlukan akibat daripada Kemalangan yang berpunca dari

**ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (198301008983)**
**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz BolehCover**

- peristiwa-peristiwa dikecualikan seperti mana yang tersenarai dalam a) hingga j) di atas;
- l) rawatan perubatan atau pembedahan yang tidak diperlukan akibat daripada Kemalangan; atau
- m) Orang yang Diinsurankan terlibat atau mengambil bahagian dalam:
1. melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
  2. berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa sama ada diisytiharkan peperangan atau tidak di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam;
  3. aktiviti-aktiviti termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan dengan kenderaan beroda atau kuda, sebarang aktiviti dalam air, pendakian gunung atau panjat tebing, penerokaan dalam gua, terjun payung, terjun udara, luncur udara, hang-gliding, gliding, para-gliding, micro-lighting, menaiki belon udara, lompat bungee, sukan musim sejuk, memburu ketika menunggang kuda atau terlibat dalam mana-mana jenis perlumbaan atau pergaduhan dan sukan professional secara pemanduan atau penunggang; atau
  4. memasuki, keluar daripada, mengendalikan, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkut udara (melainkan apabila Orang yang Diinsurankan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersil mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud atau apabila Orang yang Diinsurankan adalah juruterbang berlesen atau seorang ahli krew yang menjalankan tugas selaras dengan pekerjaan beliau bersama dengan penerbangan komersil tersebut).

**7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Pembelian polisi insurans hayat adalah satu tanggungan kewangan jangka masa panjang. Sekiranya Anda tidak membayar premium Anda dalam Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari, Polisi Anda akan luput melainkan Polisi Anda mempunyai nilai tunai. Amaan yang akan dibayar oleh Kami kepada Anda sekiranya Anda membatalkan Polisi Anda sebelum tempoh kematangan adalah lebih kurang daripada jumlah premium yang telah Anda bayar.

**8. Apakah yang saya perlu buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?**

Ianya adalah penting untuk Anda menghubungi Kami untuk mengemaskini maklumat perhubungan terbaru Anda termasuk alamat rumah Anda dan penama dan/atau pemegang amanah Anda bagi memastikan surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda dan penama dan/atau pemegang amanah Anda pada masa yang tepat.

**9. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?**

Anda boleh melayari [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my) untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan Anda (jika ada) secepat mungkin.

**10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila melayari [www.mycoverage.my/insurans\\_hayat/](http://www.mycoverage.my/insurans_hayat/).

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)  
 (dilesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan diatur oleh Bank Negara Malaysia)  
 Allianz Customer Service Center  
 Allianz Arena  
 Ground Floor, Block 2A  
 Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
 Kuala Lumpur Sentral  
 50470 Kuala Lumpur  
 Customer Contact Center : 1 300 22 5542  
 Emel : [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

**11. Perlindungan lain yang sama seperti pelan ini ditawarkan?**

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang jenis perlindungan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTIS PENTING:**

**ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (198301008983)****Lembaran Pendedahan Produk – Allianz BolehCover**

**PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU TANGGUNGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

Notis penting lain:

1. Anda harus memastikan bahawa Polisi ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan Anda dan premium yang perlu dibayar untuk Polisi ini adalah jumlah yang Anda mampu bayar.
2. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama menyedari Polisi yang Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menanggungkan pembayaran wang Polisi kepada pewaris Anda.
3. Anda boleh menukar pemilikan Polisi ini melalui serahan hak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Penukaran pemilikan Polisi ini hanya berkuatkuasa selepas Kami menerima notis bertulis.
4. Perlindungan insurans ini hanya berkuatkuasa dari Tarikh Terbitan Polisi ini.
5. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
6. Jangka masa tetap yang diperlukan oleh Kami untuk mengeluarkan Polisi adalah enam (6) hari bekerja daripada tarikh penyerahan Borang Permohonan untuk Insurans Hayat dengan syarat dokumen yang lengkap diterima dan Kami berpuas hati bahawa penyiasatan selanjutnya tidak diperlukan.
7. Penggantian Polisi sedia ada dengan Polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
8. Pelan ini mungkin memenuhi syarat untuk pelepasan cukai tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.
9. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini berkuatkuasa pada **<date>**.